

04 SEP 2000

Ghani-Cabaran

PERPADUAN KAUM KUNCI BAGI GENERASI PASCA MERDEKA HADAPI CABARAN

JOHOR BAHRU, 4 Sept (Bernama) -- Generasi pasca Merdeka perlu sedar mengenai pelbagai cabaran yang dihadapi Malaysia sekarang untuk membolehkan mereka menghargai perpaduan kaum, kesederhanaan, tolak ansur dan muafakat masyarakat majmuk yang merupakan teras kejayaan Malaysia.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata cabaran besar yang dihadapi negara sekarang termasuklah politik penyisihan dan pertentangan, kemunculan kelompok pelampau agama, sikap individualisme dan kebendaan yang semakin ketara dan cabaran luar yang berterusan yang cuba menggugat kestabilan negara.

"Pembangunan bangsa dalam masyarakat berbilang kaum memang kompleks. Cabarannya amat sukar... lantaran itu semangat dan idealisme yang membawa kepada kemerdekaan perlu terus diperteguhkan merentasi sempadan masyarakat dan kaum," katanya, ketika merasmikan Simposium Anak Merdeka di sini malam ini.

Beliau berkata menangani cabaran-cabaran itulah merupakan perjuangan mengisi kemerdekaan bagi generasi pasca Merdeka demi memastikan Malaysia kekal bebas untuk membolehkan mereka menentukan hala tuju negara seterusnya lebih cemerlang dalam segenap bidang.

Mengulas cabaran-cabaran itu, beliau berkata kebimbangan sudah mula terbayang dengan munculnya bibit-bibit politik penyisihan dan pertentangan akibat sikap dan tindakan golongan tertentu yang bukan sahaja melebarkan semula perbezaan antara kaum, malah menggugat perpaduan di kalangan orang Melayu.

Tanpa merujuk kepada kumpulan al-Ma'unah atau Suqiu, yang dianggap pelampau oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, Abdul Ghani berkata tindakan golongan itu membangkitkan sentimen kebencian, permusuhan, ketaksuban dan unsur-unsur melampau yang berbahaya.

Beliau mengingatkan generasi muda, khususnya 500 peserta simposium tiga hari itu yang terdiri daripada mereka yang dilahirkan selepas Merdeka, bahawa hubungan kaum di negara ini sebahagiannya berdasarkan pegangan dalam bentuk formal seperti tercatat dalam perundangan dan perlembagaan negara.

"Soal berkaitan hak-hak setiap kaum sudah ditentukan oleh pemimpin terdahulu dan tidak perlu diadu-dombakan atas kepentingan puak tertentu dan persefahaman antara kaum yang wujud dahulu perlu jelas di kalangan generasi muda," katanya.

Dalam hal itu, katanya, dua teras mesti dihormati iaitu pertama, kepentingan Melayu dan pengkalan keperibadiannya dan keduanya penyesuaian serta tolak ansur dengan keperluan kaum bukan Melayu yang perlu diterima sebagai rakan kongsi dalam pembangunan negara.

Cabaran politik yang memperalatkan agama pula, katanya, berlaku lantaran ketaksuban mendabik dada mereka lebih Islam daripada orang lain dan perbuatan mengkafirkan sesama umat Islam atas sebab perbezaan politik.

Abdul Ghani berkata umat Islam perlu menguasai ilmu secara berterusan dan menghayati ajaran Islam sebenar kerana ke-Islaman bukan terletak pada logo atau slogannya, tetapi pengisian dan pelaksanaannya.

Cabaran individualisme pula, katanya, mengakibatkan sikap individualistik lantaran terlalu mengejar kebendaan berikutan kemewahan ekonomi sehingga sistem sosial mulai runtuh apabila ikatan kekeluargaan dan kemasyarakatan semakin longgar.

"Pengasingan sosial secara disadari atau tidak, melemahkan struktur masyarakat dan perpaduan di kalangan rakyat," katanya, yang mengingatkan generasi muda kepada pepatah "Muafakat membawa berkat" itu memang sentiasa benar.

Cabaran akibat ancaman luar pula, menurutnya, sentiasa ada daripada musuh yang terang atau tersembunyi yang menggunakan apa juga isu atas nama

liberalisasi, globalisasi mahupun hak asasi manusia untuk mengenakan tekanan ke atas Malaysia dan menjajah pemikiran rakyat.

Abdul Ghani berkata hanya menerusi pengukuhan perpaduan akan membolehkan generasi muda membentuk benteng mempertahankan maruah bangsa dan kedaulatan negara.

-- BERNAMA

MNY MNY RI